

ANALISIS KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODEL PENGAJARAN TARANUM AL-QURAN: SATU KAJIAN PENEROKAAN

*Muhamad Nasir Mohamad Salleh

Zaharah Hussin

Mohd Faisal Mohamed

Fakulti Pendidikan,

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

*anasghamidi@gmail.com

Abstract: Teaching transformations involving the mastery of the offspring need to evolve. This matter needs to be emphasized so that the teaching process of taranum lecturers is effective. In parallel, this study aims to explore the need to develop the Taranum al-Quran Teaching Model (MPTQ) in one of the Institutions of Higher Learning named 'IPT-A'. This study uses a mixed-method design in the needs analysis phase based on the Design and Development Research (DDR) approach. In the qualitative process, data collection was conducted through a semi-structured interview with two lecturers involved in the undergraduate courses in HEIs-A. Meanwhile, the quantitative process is through the distribution of questionnaires to 59 trainee teachers of Islamic Education specializing in al-Quran year three who have completed the taranum course. Interview data analysis is by using NVivo software while questionnaire data analysis is using Statistical Package for the social science (SPSS). The results show that the support of quantitative findings can further strengthen the qualitative findings on the need to develop MPTQ in IPT-A which includes six components of teaching, namely goals, objectives, methods, techniques, fuel and evaluation. In conclusion, the need to develop MPTQ in IPT-A is an initial phase to assist the next research process for the construction of a clear and systematic model framework.

Keywords: Needs Analysis, Taranum Al-Quran, Teacher Trainers, Lecturers, Teaching

PENGENALAN

Transformasi dalam pengajaran boleh dikatakan sebagai suatu amalan yang membolehkan pelajar dapat meningkatkan pencapaian secara berterusan, mengurangkan kekeliruan serta berjaya mengekalkan momentum prestasi (Kamarul Azmi Jasmi, 2010). Melalui amalan pengajaran yang pelbagai, impak yang dihasilkan juga adalah bersifat efektif (Aznil Hashim, Jahidih Sali dan Mohd Aderi Che Noh, 2015). Dalam hal ini, guru perlu bertanggungjawab dan berperanan sebagai agen perubahan tingkah laku pelajar menerusi pemupukan ilmu pengetahuan yang telah dirancang secara sistematik (Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz, 2003).

Sehubungan itu, IPT-A yang merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia antara yang menyediakan program pendidikan untuk guru pelatih dalam opsyen Pendidikan Islam. Di IPT-A, Program Pendidikan Islam (PPI) telah diperkenalkan sebagai platform yang mengendalikannya pensijilan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam yang terdiri daripada dua kursus major iaitu pengkhususan dalam pengajian al-Quran dan pengajian Islam. Oleh kerana itu, guru pelatih yang mengikuti kursus dalam pengkhususan pengajian al-Quran memiliki kelayakan peluang temuduga untuk diserap sebagai guru Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Sekolah Menengah Kementerian yang mengandungi topik kandungan taranum dalam mata pelajaran KKQ tersebut.

Taranum al-Quran merupakan seni bacaan berlagu yang memerlukan kepada kefahaman dan penguasaan ayat (Muhamad Nasir Mohamad Salleh, 2017). Berdasarkan buku panduan KKQ (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008), terdapat tujuh jenis taranum mengikut sukatan kandungan tingkatan 1 hingga tingkatan 5 merangkumi taranum *Bayyati*, *Hijaz*, *Soba*, *Nahawand*, *Rast*, *Sikah* dan *Jiharkah*. Dalam konteks pengajaran taranum di IPT-A, hal ini memungkinkan situasi pensyarah dalam konteks tersebut melibatkan suatu aktiviti yang kompleks kerana suatu jenis pengajaran taranum berbeza dengan pengajaran taranum yang lain. Keperluan dari sudut aspek kognitif, afektif dan psikomotor (Iin Nurbudiyani, 2013) sememangnya diperlukan dalam proses pengajaran taranum yang dapat membantu guru pelatih mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan.

PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Semenjak tahun 1986 KKQ diperkenalkan, penguasaan guru KKQ dalam mempraktikkan bacaan bertaranum di dalam kelas masih menjadi pokok persoalan. Hal ini rentetan daripada kajian lepas (Zulkifli Abd Mubi, 2014; Mohd Aderi Che Noh dan Farah Ilyani Zakaria, 2011; Mohd Aderi Che Noh dan Rohani Ahmad Tarmizi, 2009) yang mengutarakan kelemahan guru KKQ dalam menguasai pedagogi serta kemahiran bertaranum. Lebih membimbangkan, kesan kelemahan tersebut seiring dengan adanya kajian lepas menyatakan pencapaian pelajar KKQ di sekolah berada pada tahap yang sederhana (Mohd Asri Ali, 2012; Azmil Hashim, Mazhair Shahroz Muhasip dan Mohd Burhan Jusoh, 2014; Eadil Mat, 2010) dalam mengaplikasikan bacaan secara bertaranum.

Dalam satu dokumen pemarkahan (Dokumen Pemarkahan Penilaian *Syafawi*, 2018) yang diperoleh daripada pensyarah taranum PPI IPT-A, hanya seramai 11 orang daripada 65 orang guru pelatih PPI PQ yang berjaya mendapatkan markah melebihi 80% dalam penilaian ujian *shafawi*. Hal ini menimbulkan kebimbangan kerana penilaian yang dijalankan adalah berdasarkan surah yang telah dipelajari dalam kelas tutorial. Pada hemat pengkaji ini berkait rapat dengan amalan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah ketika mengajar. Satu cadangan kajian lanjutan telah diutarakan oleh Saidah Haris (2018) agar kaedah pengajaran taranum di IPT perlu untuk diteroka dan dipelbagaikan. Tambahan pula, kajian berkaitan taranum masih kurang dijalankan di peringkat IPT. Dalam satu analisis korelasi data dalam kajian Sakri Yusoff dan Ab. Halim Tamuri (2010) menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca al-Quran dengan kebolehan membaca al-Quran secara bertaranum ($r=0.037$, $sig=0.848$). Hal ini dikuatkan lagi dengan kajian Mohd Ariffin Salleh, Zulkifli Ismail, Noor Zaly Mokhtar Kasim dan Khadijah Abd. Razak (2010) yang mendapati tahap penguasaan taranum *Bayyati* dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka mempunyai peningkatan selepas menjalani rawatan kaedah *takrar* dan pernafasan.

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa seseorang guru yang dikatakan mahir itu mestilah mempunyai kemahiran dalam pengajaran (Ab Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman, 2010) yang menjadikan aktiviti pengajaran dapat dijalankan secara sistematik menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang kesannya dapat memotivasikan pelajar untuk belajar. Namun persoalannya, adakah terdapat suatu kerangka panduan pengajaran yang menyeluruh bagi kursus taranum al-Quran khususnya bagi PPI di IPT-A? Berdasarkan sorotan kajian lepas, tidak terdapat suatu kerangka panduan berbentuk model yang jelas dan sesuai bagi kursus tersebut. Justeru, hal ini menginspirasi pengkaji untuk melakukan kajian penerokaan terhadap keperluan membangunkan MPTQ bagi PPI di IPT-A berdasarkan perspektif pensyarah dan guru pelatih yang telah selesai mengikuti kursus tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan kajian “Bagaimanakah perspektif pensyarah dan guru pelatih terhadap keperluan membangunkan MPTQ bagi PPI IPT-A”, maka objektif kajian dalam artikel ini adalah untuk mengenal pasti serta membuat penerokaan terhadap keperluan membangunkan MPTQ bagi PPI IPT-A berdasarkan perspektif pensyarah dan guru pelatih yang telah selesai mengikuti kursus taranum.

KERANGKA TEORI


Kajian ini menggunakan kerangka teori berasaskan Model Pengajaran al-Quran yang bersandarkan kepada tokoh al-Qabisi (1955). Al-Qabisi (1955) dalam kitabnya *Al-Risalah al-Mufassilah li Ahwal al-Muta'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin wa al-Muta'alimin* telah membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kurikulum, pendidikan al-Quran dan salah satunya berkait dengan hal ehwal guru dalam pengajaran. Secara umumnya, terdapat pelbagai penulisan dan kajian lepas (Ahwani, 1955; al-Na'miy, 1994; Ahmad Khalid, 1986, Azmil Hashim, 2010; Mazhair Shahroz Muhasip, 2014; Paharudin Arbain, 2015) yang telah membincangkan dan merungkai teori ini dalam konteks komponen utama pengajaran al-Quran. Oleh itu, penyelidik merumuskan perbincangan komponen tersebut sepertimana dalam Rajah 1:



Rajah 1. Model Pengajaran al-Quran (al-Qabisi, 1955)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran dalam fasa analisis keperluan berasaskan pendekatan *Design and Development Research* (DDR). Menurut Richey & Klein (2007) metode sesuatu kajian melalui pendekatan DDR bagi tujuan membangunkan sesuatu produk, proses, alat pengukuran dan model adalah dibolehkan samada dalam bentuk kajian kes, analisis kandungan, pemerhatian, soroton literatur, kepelbagaian metod dan kaedah campuran. Pengkaji telah menggunakan model kaedah campuran berbentuk '*sequential exploratory*' (penerokaan berterusan) yang terbahagi kepada dua proses iaitu dimulai dengan kajian kualitatif dan diikuti dengan kajian kuantitatif (Creswell & Clark, 2018). Jika diperhalusi, tujuan pendekatan kaedah campuran berbentuk '*sequential exploratory*' dalam fasa analisis keperluan DDR ini dipilih ialah bagi membuat penerokaan data secara lebih meluas terhadap keperluan membangunkan MPTQ khususnya bagi PPI IPT-A. Perkara ini bertepatan dengan pandangan Leavy (2017) bahawa kajian kaedah campuran melibatkan proses pengumpulan data dan pengintegrasian data kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan kefahaman yang komprehensif sesuatu fenomena kajian. Rajah 2 memaparkan model proses *exploratory sequential* dalam fasa analisis keperluan.



Rajah 2. Model Proses *Exploratory Sequential*
Sumber: (Creswell & Clark, 2018)

Analisis keperluan ialah suatu proses pengumpulan maklumat. Dalam konteks pendidikan, analisis keperluan bertujuan menilai program sedia ada yang dapat membantu mewujudkan keperluan untuk memperkenalkan perubahan sepadan dengan keperluan para pelajar dan pada masa yang sama dapat diterima oleh guru (Samira Atefi Boroujeni dan Fateme Moradian Fard, 2013). Dalam kajian ini, analisis keperluan melalui pendekatan DDR ialah untuk memperkukuhkan persoalan kajian dan merupakan suatu syarat awal sebelum sesuatu produk itu dibangunkan (Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh & Ahmad Arifin Sapar, 2017). Sebelum kajian dijalankan, pengkaji telah memohon kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia serta kebenaran bertulis daripada pihak PPI IPT-A.

Dalam proses kualitatif, temubual separa struktur telah dilaksanakan menggunakan persampelan bertujuan terhadap dua orang pensyarah PPI IPT-A yang terdiri daripada seorang tenaga pengajar utama taranum dan seorang penyelarass

program SMPI PQ. Pengkaji telah membuat kesahan protokol temu bual melalui penyelia bagi memastikan penggunaan bahasa dan kandungan soalan yang sesuai. Hasil dapatan temubual telah ditranskripkan oleh pengkaji dan disemak semula oleh semua informan bagi meningkatkan kebolehpercayaan data. Seterusnya, hasil analisis data dibuat melalui perisian Nvivo bagi membentuk kod, kategori dan tema.

Dalam proses kuantitatif, pengkaji telah membina instrumen soal selidik hasil daripada dapatan temubual yang berasaskan kepada prinsip dalam model *exploratory design* (Creswell & Clark, 2018). Pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan terhadap seramai 59 orang guru pelatih PQ yang telah selesai mengambil kursus taranum. Sebelum pengedaran soal selidik dilakukan, Pengkaji telah membuat kesahan konstruk, bahasa dan kandungan melalui lima orang pakar dalam bidang taranum dan pedagogi. Hasil nilai *alpha cronbach* dalam kajian rintis yang diperoleh adalah tinggi iaitu melebihi >0.9. Seterusnya, skor min dan interpretasi dalam bentuk aras keperluan dapat ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah. Hal ini menunjukkan sesuatu keperluan elemen itu dianggap penting apabila min yang diperolehi adalah tinggi. Secara keseluruhannya, hasil analisis deskriptif melalui perisian *Statistical Package for the social science* (SPSS) digunakan bagi menyokong dapatan dalam fasa kajian kualitatif terhadap keperluan membangunkan MPTQ bagi PPI IPT-A.

Jadual 1

Skor Min dan Aras Keperluan

Skor Min	Aras Keperluan
0.1-1.0	Sangat Tidak Perlu
1.1-2.0	Tidak Perlu
2.1-3.0	Kurang Perlu
3.1-4.0	Perlu
4.1-5.0	Sangat Perlu

Sumber: Ubahsuai Cohen dan Holliday (1982)

DAPATAN KAJIAN

Analisis Terhadap Dapatan Kualitatif

Perbincangan dapatan temubual adalah berdasarkan persoalan kajian iaitu “Bagaimanakah perspektif pensyarah terhadap keperluan membangunkan MPTQ bagi PPI IPT-A?”. Pengkaji telah menamakan pensyarah taranum sebagai ‘Informan 1’ manakala bagi penyelarar SMPI PQ sebagai ‘Informan 2’. Dapatan analisis data temubual telah menghasilkan kod, kategori dan tema yang dapat diperincikan seperti di bawah:

1) Penerapan elemen matlamat pengajaran

a) Penghayatan agama

Berdasarkan temubual, penerapan elemen matlamat pengajaran yang jelas dan sesuai adalah suatu yang amat penting bagi proses keperluan membangunkan MPTQ. Dalam aspek penghayatan agama, perkara ini diperakui oleh Informan 1 bahawa sesuatu alunan jenis lagu itu perlu disesuaikan dengan maksud ayat tersebut. Beliau menyatakan:

“...apabila kita mengalunkan alunan hijaz pada ayat-ayat tersebut dengan sendirinya menuntut kita yang membaca kita yang mengalunkan itu supaya mengamati maksud, kisah dan sekaligus mengambil ibrah daripada ayat-ayat tersebut...”

Bahkan, Informan 2 turut menyatakan bacaan taranum yang tidak meraikan makna ayat adalah umpama dengan *“...sekadar seni suara sahaja lah, sedangkan kita baca al-Quran untuk dihayati”*.

b) Pembentukan akhlak

Dalam aspek pembentukan akhlak, Informan 2 menyatakan aspek tersebut jika dilihat secara terus tanpa berfikir secara mendalam menampakkan seolah-olah tidak terdapat perhubungan dengan matlamat pengajaran taranum dalam tempoh jangka masa panjang. Namun jika diamati, ia sebenarnya mencerminkan akhlak seorang pengamal al-Quran. Beliau menyatakan:

“...kalau pengamal al-Quran tidak berakhlak dengan akhlak al-Quran, jadi wallahua'lam orang bukan Islam pandang, apalah baca al-Quran tapi akhlak tak bagus...”.

Hal ini turut diperakui oleh Informan 1 yang menyentuh khususnya pembentukan akhlak dalam pertandingan tilawah al-Quran “...betul kita nak menang, betul, tapi itu bukan niat pertama kita itu satu latihan dari sudut akhlak”.

c) Kemahiran bacaan

Dalam aspek kemahiran bacaan, al-Jazari (799H) melalui matannya menyebut taranum merupakan salah satu elemen yang diperlukan untuk memantapkan lagi bacaan al-Quran. Hal ini diperakui oleh Informan 1 “...tarannum itu sendiri sebenarnya membantu seseorang itu bila dia menyebut ayat-ayat Allah setiap huruf itu akan disebut dengan lebih jelas, tepat dan sempurna”. Informan 2 turut menyatakan “...ketika dia bertaranum itu, taranum yang dibuat itu betul lagunya, tajwidnya juga betul, makhrajnya betul, sifat hurufnya betul...”.

d) Pemeliharaan seni (*Handasah al-Sawt*)

Hasil temubual juga mendapati aspek pemeliharaan seni melalui lagu-lagu al-Quran yang sedia ada dalam konteks Islam adalah perlu untuk dipertahankan. Perkara ini diperakui oleh Informan 2 “...kalau kita boleh pandang secara lebih umum, maqamat syarqiah yang digunakan untuk bacaan sekarang, bagi saya telah lama digunakan dan ia boleh diterima oleh rasanya kebanyakan umat Islam di dunia”.

Informan 1 turut memberikan sebab sekiranya ada pihak yang membenarkan alunan tersebut terkeluar daripada apa yang sedia ada maka akan menimbulkan fitnah. Beliau menyatakan “...kalau kita membenarkan perkara-perkara ini berlaku...tidak mustahil irama dangdut, rock, ballet dan sebagainya sebab bagi mereka apa yang mereka sebut ialah ayat-ayat al-Quran, irama terpulung kepada minat kita...”.

2) Penerapan elemen objektif pengajaran

a) Objektif umum

Berdasarkan temubual, penerapan elemen objektif pengajaran yang jelas dan sesuai adalah suatu yang amat penting bagi proses keperluan membangunkan MPTQ. Pengkaji dapat membentuk kategori yang diperlukan dalam komponen objektif pengajaran iaitu berbentuk umum dan khusus serta melibatkan taksonomi dalam pengajaran. Hal ini berdasarkan kenyataan Informan 2 “...secara umumnya mampu untuk melaksanakan taranum...”.

b) Objektif khusus

Namun begitu, hasil temubual menunjukkan objektif yang terlalu umum tidak dapat memfokuskan pencapaian sebenar guru pelatih PQ. Hal ini dijelaskan pula oleh Informan 1 “Bagi saya kita ada satu objektif yang rasa saya sangat penting... iaitu dari sudut kemahiran bersuara”.

c) Objektif taksonomi

Pengkaji cuba meninjau pandangan daripada kedua-dua informan tentang penggunaan objektif taksonomi dalam pengajaran. Hasilnya diperakui oleh Informan 1 yang menyatakan “Ya sepatutnya objektif pengajaran kita tak boleh lari dari ketiga-tiga itu lah”. Manakala pengkaji 2 turut mengaitkannya dari segi pandangan alam Islam dengan menyatakan “...dikatakan kepada manusia ini, ia melibatkan akal, melibatkan jiwa dan melibatkan kemahiran maksudnya pancaindera, jadi unsur-unsur itu perlu dikuasai”.

3) Penerapan elemen kaedah pengajaran

a) *Talaqi Mushafahah*

Berdasarkan temubual, penerapan elemen yang jelas dan sesuai dalam kaedah pengajaran taranum adalah suatu yang amat penting bagi proses membangunkan MPTQ. Perkara ini dapat dibuktikan melalui temubual kedua-dua informan yang menyatakan kaedah yang utama ialah *talaqqi mushafahah*, *takrar*, *tasmi'* dan *al-fahm*. Secara umumnya, pengajaran dan pembelajaran al-Quran tidak dapat lari daripada kaedah *talaqqi mushafahah*. Hal ini diperakui oleh Informan 1 yang mengatakan:

“Sebelum mengajar tarannum pastinya surah ataupun ayat itu perlu ditalaqqi musyafahahkan, perbetulkan dulu hukum-hukum tajwidnya, perbetulkan dulu wakaf ibtida'nya...”.

b) *Takrar, Tasmi' dan Al-Fahm*

Informan 2 turut memberi respon bahawa kaedah *al-fahm, takrar* (latih tubi) dan *tasmi'* adalah mencakupi segala aspek dalam kemahiran bacaan al-Quran dengan menyatakan:

“...pelajar perlu bersemuka dengan guru, tengok macam mana guru mengalunkan lagu,...bagi saya, perkara yang biasa lah, tak dapat ulang lagi...kalau guru ataupun pensyarah...dia minta beberapa orang untuk memperdengarkan maqam tertentu...”.

“...untuk menerangkan fungsi-fungsi taranum, apa fungsi taranum kata kan Hijaz, bila dia sesuai untuk digunakan...”

4) Penerapan elemen teknik pengajaran

a) Teknik pancaindera

Berdasarkan temubual, penerapan elemen yang jelas dan sesuai dalam teknik pengajaran adalah suatu yang amat penting bagi proses keperluan membangunkan MPTQ. Pengkaji dapat mengenal pasti beberapa teknik-teknik khusus yang berguna untuk digunakan oleh pensyarah taranum seperti teknik mendengar, teknik meniru, teknik mengalun dan teknik pernafasan. Hal ini diperakui oleh Informan 2 berkenaan semua teknik pengajaran tersebut dengan mengatakan:

“...yang lebih penting di situ adalah pastikan teknik tersebut mampu untuk memberjayakan kaedah pengajaran yang dipilih”.

Informan 1 turut memberikan pandangan tentang teknik yang mampu memperincikan lagi sesuatu kaedah yang dipilih. Beliau menjelaskan:

“...jika mengajar Nahawand surah lain, kita minta pelajar ini cuba cari dan dengar taranum Nahawand surah lain”.

“...mahu tidak mahu kita perlu meniru terlebih dahulu, kita meniru bacaan guru kita, itu basic...”

“...sebenarnya lebih hebat lebih cantik sekiranya ianya dialunkan dengan satu irama yang panjang”.

b) Teknik beransur-ansur

Berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh kedua-dua informan, pengkaji merasakan perlunya teknik beransur-ansur untuk diterapkan dalam teknik pengajaran taranum. Penggunaan teknik beransur-ansur menurut Ibnu Khaldun (1948) mampu memastikan pensyarah dapat menyusun keutamaan sesuatu teknik yang terlebih dahulu perlu diutamakan.

5) Penerapan elemen bahan bantu mengajar

a) Bahan utama

Berdasarkan temubual, pengkaji dapat mengkategorikan dua elemen yang diperlukan dalam bahan bantu mengajar iaitu bahan utama dan bahan sokongan. Jelasnya, penggunaan al-Quran adalah merupakan bahan yang amat penting dalam proses PnP. Selain itu, penggunaan perakam juga adalah penting bagi tujuan untuk mengingat lagu. Hal ini diperakui oleh Informan 1 dan Informan 2 yang menyatakan:

“...sebab itu saya galakkan kita bertaranum dengan merakam, merakam kawan kita yang sedang bertaranum. Selepas itu, tukar dia pula merakam kita yang bertaranum”. (I2)

“...kalau kita kata rakaman bacaan memang sangat banyak lah bahkan rakaman itu boleh dilihat mengikut negara tak silap...”. (I1)

b) Bahan sokongan

Selain itu, hasil temubual juga mendapati segala bentuk bahan yang dapat disesuaikan pada masa kini boleh digunapakai. Informan 1 menyatakan “...kita menggalakkan mereka meneroka mana-mana website, search dalam internet berkaitan dengan taranum...”. Hal ini diperkuatkan lagi oleh Informan 2 yang menyatakan:

“...bukan sekadar manila kad...ataupun kertas mahjong...sebagai seorang guru pada zaman ini perlu memanfaatkan segala bentuk ya, segala bentuk bahan yang ada dekat laman sesawang untuk digunakan dalam pengajaran taranum”.

6) Penerapan elemen penilaian pengajaran

a) Penilaian berterusan

Berdasarkan temubual, penerapan elemen yang jelas dan sesuai dalam penilaian pengajaran adalah suatu yang amat penting bagi proses keperluan membangunkan MPTQ. Pengkaji dapat merumuskan hasil daripada temubual menunjukkan penilaian perlu dibuat secara berterusan melalui kenyataan Informan 1 “Kita buat kuiz dan secara tak langsung kadang-kadang kita bersoal jawab secara tak langsung dalam kelas...”. Perkara ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan Informan 2:

“...penilaian formatif sangat penting sebab ia melibatkan kemahiran suara bermakna pelajar dipantau sedikit sehingga dia dapat melaksanakan ke arah yang lebih tinggi lah...”.

b) Peperiksaan

Selain itu, penilaian dalam bentuk peperiksaan akhir adalah suatu yang pasti. Informan 1 menyatakan “Dalam bentuk peperiksaan, ujian syafawi, bentuk pembentangan, kuiz...” Informan 2 turut menyatakan pandangan yang sama “...penilaian sumatif juga penting ya, kita juga nak menilai pelajar dari segi markahnya berapa, pencapaiannya yang akhir macam mana...”.

Secara keseluruhannya, pengkaji telah berusaha memastikan tema yang dibentuk menjurus kepada persoalan kajian. Hal ini amat penting supaya pembinaan item soal selidik seterusnya dalam fasa kajian kuantitatif adalah selari dengan dapatan fasa kualitatif.

Analisis Terhadap Dapatan Kuantitatif

Berdasarkan data soal selidik, perbincangan serta analisis data adalah bagi menjawab persoalan kajian “Bagaimanakah perspektif guru pelatih PQ terhadap keperluan membangunkan MPTQ bagi PPI IPT-A”. Jadual 2 memaparkan tinjauan keperluan dari aspek elemen matlamat pengajaran.

Jadual 2

Keperluan Elemen Matlamat Pengajaran

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Aras Keperluan
1.	Matlamat bertaranum untuk memahami agama	4.339	0.902	SANGAT PERLU
2.	Matlamat bertaranum untuk membentuk akhlak mulia	4.525	0.679	SANGAT PERLU
3.	Matlamat bertaranum untuk memelihara seni alunan budaya Islam	4.593	0.591	SANGAT PERLU
4.	Matlamat bertaranum untuk menguasai kemahiran bacaan al-Quran	4.746	0.439	SANGAT PERLU

Secara keseluruhan berpandukan analisis deskriptif, item yang menggambarkan keperluan dari aspek elemen matlamat pengajaran menunjukkan nilai purata min sebanyak 4.551 dan sisihan piawai sebanyak 0.653. Hal ini menunjukkan

bahawa interpretasi terhadap semua elemen adalah berada pada aras sangat perlu untuk diterapkan dalam MPTQ. Dapatan seterusnya menunjukkan tinjauan keperluan dari aspek elemen objektif pengajaran berdasarkan jadual 3.

Jadual 3

Keperluan Elemen Objektif Pengajaran

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Aras Keperluan
1.	Meningkatkan penguasaan asas taranum al-Quran	4.610	0.526	SANGAT PERLU
2.	Meningkatkan penguasaan penerapan istilah asas pada setiap jenis tarannum yang dipelajari	4.644	0.517	SANGAT PERLU
3.	Menguasai tarannum melalui aras kemahiran berfikir, sikap dan praktikal	4.542	0.536	SANGAT PERLU

Secara keseluruhan berpandukan analisis deskriptif, item yang menggambarkan keperluan dari aspek elemen objektif pengajaran menunjukkan nilai purata min sebanyak 4.599 dan sisihan piawai sebanyak 0.526. Hal ini menunjukkan bahawa interpretasi terhadap semua elemen adalah berada pada aras sangat perlu untuk diterapkan dalam MPTQ. Dapatan seterusnya menunjukkan tinjauan keperluan dari aspek elemen kaedah pengajaran berdasarkan jadual 4.

Jadual 4

Keperluan Elemen Kaedah Pengajaran

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Aras Keperluan
1.	Kaedah <i>Talaqqi</i> dan <i>Mushafahah</i>	4.881	0.326	SANGAT PERLU
2.	Kaedah <i>Takrar</i>	4.915	0.281	SANGAT PERLU
3.	Kaedah <i>Tasmi'</i>	4.780	0.457	SANGAT PERLU
4.	Kaedah <i>al-Fahm</i>	4.831	0.379	SANGAT PERLU

Secara keseluruhan berpandukan analisis deskriptif, item yang menggambarkan keperluan dari aspek elemen kaedah pengajaran menunjukkan nilai purata min sebanyak 4.852 dan sisihan piawai sebanyak 0.361. Hal ini menunjukkan bahawa interpretasi terhadap semua elemen adalah berada pada aras sangat perlu untuk diterapkan dalam MPTQ. Dapatan seterusnya menunjukkan tinjauan keperluan dari aspek elemen teknik pengajaran berdasarkan jadual 5.

Jadual 5

Keperluan Elemen Teknik Pengajaran

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Aras Keperluan
1.	Teknik mendengar	4.797	0.406	SANGAT PERLU
2.	Teknik beransur	4.576	0.593	SANGAT PERLU
3.	Teknik mengalun	4.780	0.457	SANGAT PERLU
4.	Teknik perbincangan	4.542	0.678	SANGAT PERLU

Secara keseluruhan berpandukan analisis deskriptif, item yang menggambarkan keperluan dari aspek elemen teknik pengajaran menunjukkan nilai purata min sebanyak 4.674 dan sisihan piawai sebanyak 0.534. Hal ini menunjukkan bahawa interpretasi terhadap semua elemen adalah berada pada aras sangat perlu untuk diterapkan dalam MPTQ. Dapatan seterusnya menunjukkan tinjauan keperluan dari aspek elemen bahan bantu mengajar berdasarkan jadual 6.

Jadual 6

Keperluan Elemen Bahan Bantu Mengajar

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Aras Keperluan
1.	Penggunaan Mushaf al-Quran	4.915	0.281	SANGAT PERLU
2.	Penggunaan Speaker	4.949	0.222	SANGAT PERLU
3.	Penggunaan Laptop	4.831	0.422	SANGAT PERLU
4.	Penggunaan LCD	4.695	0.565	SANGAT PERLU
5.	Penggunaan Perakam	4.729	0.552	SANGAT PERLU

Secara keseluruhan berpandukan analisis deskriptif, item yang menggambarkan keperluan dari aspek elemen bahan bantu mengajar menunjukkan nilai purata min sebanyak 4.824 dan sisihan piawai sebanyak 0.408. Hal ini menunjukkan bahawa interpretasi terhadap semua elemen adalah berada pada aras sangat perlu untuk diterapkan dalam MPTQ. Dapatan seterusnya menunjukkan tinjauan keperluan dari aspek elemen penilaian pengajaran berdasarkan jadual 7.

Jadual 7

Keperluan Elemen Penilaian Pengajaran

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Aras Keperluan
1.	Membuat pemerhatian terhadap perubahan tingkah laku mahasiswa	4.678	0.507	SANGAT PERLU
2.	Membuat penilaian berterusan	4.746	0.439	SANGAT PERLU
3.	Membuat kesimpulan pengajaran	4.559	0.595	SANGAT PERLU
4.	Mendapatkan maklum balas pengajaran	4.695	0.500	SANGAT PERLU

Secara keseluruhan berpandukan analisis deskriptif, item yang menggambarkan keperluan dari aspek elemen penilaian pengajaran menunjukkan nilai purata min sebanyak 4.670 dan sisihan piawai sebanyak 0.510. Hal ini menunjukkan bahawa interpretasi terhadap semua elemen adalah berada pada aras sangat perlu untuk diterapkan dalam MPTQ.

PERBINCANGAN

Konsep pengajaran itu tidak berlaku apabila tidak melibatkan kebersamaan aktiviti antara guru dengan pelajar (Noor Hisham Md Nawi, 2011). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau keperluan membangunkan MPTQ bagi PPI di IPT-A. Dalam aspek keperluan penerapan elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran, dapatan kajian QUAL → quan (Creswell & Clark, 2018) menunjukkan kepentingan keperluannya untuk memahami agama dan membentuk akhlak mulia dalam kalangan guru pelatih PQ. Hal ini bertepatan dengan pandangan al-Na'miy (1994) terhadap matlamat pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi yang menitikberatkan aspek *ma'rifatuddin* (memahami agama) dan pembentukan akhlak. Selain itu, gabungan data QUAL → quan juga menunjukkan keperluan elemen dalam matlamat pengajaran taranum yang meliputi elemen kemahiran bacaan al-Quran (al-Jazari dalam Muhammad, 1994) serta dapat memelihara alunan tersebut yang disebut sebagai *Handasah al-Sawt* (seni suara) dalam konteks batasan Islam (al-Faruqi & Lois Lamya', 1992).

Dalam aspek keperluan penerapan elemen objektif pengajaran taranum al-Quran, dapatan kajian QUAL → quan menunjukkan perlunya di akhir pengajaran guru pelatih PQ dapat meningkatkan penguasaan asas taranum al-Quran melalui aras kemahiran berfikir, sikap dan praktikal. Oleh sebab yang demikian, pentingnya penetapan objektif pengajaran yang jelas sebagaimana menurut Robert Glaser (1962) dalam Model Pengajaran Asas menyebut langkah pertama dalam sistem pengajaran adalah dengan menentukan tujuan dan objektif yang ingin dicapai.

Seterusnya, keberkesanan sesebuah pengajaran (Mohd Aderi Che Noh, 2015) itu bergantung kepada kesepaduan elemen-elemen dalam kaedah pengajaran dan teknik pengajaran yang digunakan. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian QUAL → quan terhadap kepentingan keperluan elemen-elemen yang terkandung dalam dua komponen tersebut. Selain itu, dapatan kajian QUAL → quan menunjukkan kepentingan bahan bantu mengajar yang bercorak moden dan tradisional perlu diterapkan bagi keperluan untuk membangunkan MPTQ khususnya bagi PPI IPT-A.

Dalam aspek penilaian pengajaran, secara keseluruhannya menunjukkan elemen penilaian secara berterusan dan peperiksaan perlu ditekankan dalam pelbagai cara. Hal ini selari dengan pandangan Kamarul Azmi Jasmi (2010) bahawa penilaian pengajaran boleh dilakukan semasa proses pengajaran, penutup pengajaran atau selepas pengajaran. Berdasarkan perbincangan di atas, gabungan hasil dan penjelasan data kualitatif dan kuantitatif bagi kajian 'Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Taranum al-Quran: Satu Kajian Penerokaan' dapat diperhatikan dengan jelas dalam jadual 8 di bawah:

Jadual 8

Gabungan Hasil dan Penjelasan Data Kualitatif dan Kuantitatif

Komponen	Dapatan kualitatif	Dapatan kuantitatif	Kesimpulan
Matlamat Pengajaran	Hasil temubual menunjukkan keperluan penerapan elemen penghayatan agama, pembentukan akhlak, kemahiran bacaan dan pemeliharaan seni Islam	Hasil interpretasi data menunjukkan semua elemen berada pada skor min yang tinggi sebanyak 4.551 dan sisihan piawai sebanyak 0.653.	Keperluan pembangunan MPTQ bagi PPI IPT-A perlu mengandungi elemen-elemen yang telah dipersetujui.
Objektif Pengajaran	Hasil temubual menunjukkan keperluan penerapan objektif umum, khusus dan taksonomi.	Hasil interpretasi data menunjukkan semua elemen berada pada skor min yang tinggi sebanyak 4.599 dan sisihan piawai sebanyak 0.526.	Keperluan pembangunan MPTQ bagi PPI IPT-A perlu mengandungi elemen-elemen yang telah dipersetujui.
Kaedah Pengajaran	Hasil temubual menunjukkan keperluan elemen <i>Talaqqi Mushafahah, Takrar, Tasmi'</i> dan <i>al-Fahm</i>	Hasil interpretasi data menunjukkan semua elemen berada pada skor min yang tinggi sebanyak 4.852 dan sisihan piawai sebanyak 0.361.	Keperluan pembangunan MPTQ bagi PPI IPT-A perlu mengandungi elemen-elemen yang telah dipersetujui.
Teknik Pengajaran	Hasil temubual menunjukkan keperluan elemen teknik mendengar, meniru, mengalun, pernafasan dan beransur-ansur.	Hasil interpretasi data menunjukkan semua elemen berada pada skor min yang tinggi sebanyak 4.674 dan sisihan piawai sebanyak 0.534.	Keperluan pembangunan MPTQ bagi PPI IPT-A perlu mengandungi elemen-elemen yang telah dipersetujui.
BBM	Hasil temubual menunjukkan keperluan penerapan bahan utama dan bahan sokongan	Hasil interpretasi data menunjukkan semua elemen berada pada skor min yang tinggi sebanyak 4.824 dan sisihan piawai sebanyak 0.408.	Keperluan pembangunan MPTQ bagi PPI IPT-A perlu mengandungi elemen-elemen yang telah dipersetujui.
Penilaian Pengajaran	Hasil temubual menunjukkan keperluan penilaian secara berterusan dan peperiksaan.	Hasil interpretasi data menunjukkan semua elemen berada pada skor min yang tinggi sebanyak 4.670 dan sisihan piawai sebanyak 0.510.	Keperluan pembangunan MPTQ bagi PPI IPT-A perlu mengandungi elemen-elemen yang telah dipersetujui.

KESIMPULAN

Melalui dapatan yang telah diperoleh, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan MPTQ bagi PPI IPT-A. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini sememangnya merupakan satu proses awal daripada tiga fasa utama berasaskan pendekatan DDR bagi memastikan suatu kerangka panduan yang teratur dan sistematik dapat dijayakan. Di samping itu, hasil kajian ini juga membuka ruang untuk kajian lanjutan lain bagi meneroka keperluan pembentukan model pengajaran taranum yang pada akhirnya merupakan satu usaha mentransformasikan pengajaran pensyarah taranum khususnya di IPT.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep *mu'allim*. *Journal of Islam and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Ahmad Khalid. (1986). *Ar-Risalah al-mufasssolah li ahwal al-mu'allimin wa ahkam almu'allimin wal muta'allimin*. Tunisia: As-Sharikat al-Tunisiyah al-Tauzi'.
- Ahwani, Ahmad Fuad. (1955). *At-tarbiyyah fil Islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Faruqi, Ismail R., dan Lamy, Lois Al-Faruqi. (1992). *Atlas kebudayaan Islam*. (Mohd. Ridzuan Othman, Mohd Sidin Ishak dan Khairuddin Harun, Terjemahan). Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Al-Na'miy, Abdullah Al-Amin. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. (Mohd Ramzi Omar, Penterjemah). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Al-Qabbani, Muhammad 'Arabi. (1998). *Jami' al-Nafahat al-Qudsiyyah*. Dar al-Khair: Damsyiq.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Ar-Risalah al-mufasssolah li ahwal al-mu'allimin wa ahkam almu'allimin wal muta'allimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-Arabiyyah.
- Azmil Hashim, Mazhair Shahroz Muhasip dan Mohd Burhan Jusoh. (2014) Persepsi pelajar terhadap amalan pembelajaran tarannum al-quran. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 1(1).
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN)*. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil Hashim, Jahidih Saili dan Mohd Aderi Che Noh. (2015). The Relationship between Pedagogical Content Knowledge and al-Quran *Tajweed* Performance among Students KKQ in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 197, 1530 – 1537.
- Creswell J.W. & Clark V.L.P. (2018). *Designing and conducting mixed methods research*. (3rd ed). United Kingdom: SAGE Publications.
- Dokumen Pemarkahan Penilaian *Syafawi*. (2018). Diperolehi daripada pensyarah tarannum pada Februari 2018.
- Eadil Mat. (2010). *Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di sekolah-sekolah menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor*. (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Farah Ilyani Zakaria & Mohd Aderi Che Noh. (2011). Pelaksanaan kelas kemahiran al-Quran di Malaysia: satu analisis. *Journal of Islamic & Arabic Education*, 3(1), 47.
- Ibnu Khaldun. 1948. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Qaherah: Al-Maktabah Al-Tijarah Al-Kubra.
- Iin Nurbudiyani. (2013). Pelaksanaan pengukuran ranah kognitif, afektif, dan psikomotor pada mata pelajaran IPS kelas III SD Muhammadiyah Palangkaraya. *Jurnal Pendidikan*, 8(2), 14-20.
- Ismail R. al-Faruqi & Lois Lamy' al-Faruqi. (1992). *Atlas budaya Islam*. (Mohd. Ridzwan Othman, Mohd Sidin Ishak & Khairudin Harun, Penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (2003). *Pedagogi: asas pendidikan*. Percetakan Sentosa: Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku panduan kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz tingkatan satu, dua dan tiga*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku panduan kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz tingkatan empat dan lima*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Patricia Leavy. (2017). *Research design: quantitative, qualitative, mixed methods, arts based, and community-based participatory research approaches*. New York: The Guilford Press.
- Mazhair Shahroz Muhasip. (2014). *Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-quran di Kuala Lumpur dan Selangor*. (Disertasi tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Aderi Che Noh dan Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93- 109.
- Mohd Aderi Che Noh. (2015). *Pengajaran & pembelajaran tilawah al-Quran sekolah menengah di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Ariffin Salleh, Zulkifli Ismail, Noor Zaly Mokhtar Kasim & Khadijah Bt Abd. Razak. (2010). Tahap penguasaan tarannum *bayati* dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru. *Proceedings of The International Conference on Islamic Education*.
- Mohd Asri Ali. (2012). *Penguasaan tarannum pelajar khas kemahiran al-Quran sekolah menengah kebangsaan di Shah Alam*. (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhammad Bin Muhammad Bin Muhammad al-Jazari. (1994). *Tayyibat al-Nashr fi al-qiraat al-'ashr*. Jeddah: Dar al-Huda.

- Muhamad Nasir Mohamad Salleh. (2017). Penguasaan tarannum al-quran: analisis terhadap peserta majlis tilawah al-Quran sekolah-sekolah menengah kementerian di daerah Klang. *Jurnal Quranica*, 9(1), 1.
- Noor Hisham Md Naw. (2011). Pengajaran dan pembelajaran; penelitian semula konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden. *Kertas Kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran*.
- Paharudin Arbain. (2015). *Eksplorasi pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program j-Qaf dan hubungannya dengan pencapaian murid*. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Richey, R., & Klien, J. (2007). *Design and development research: method, strategies and issues*. London: Erlbaum.
- Robert Glaser. (1962). *Training research and education*. Pittsburg: University of Pittsburg.
- Sakri Yusoff & Ab. Halim Tamuri. 2010. Hubungan minat dengan kebolehan membaca al-Quran bertarannum dan bertajwid. *Proceedings of The International Conference on Islamic Education*.
- Samira Atefi Boroujeni dan Fateme Moradian Fard. (2013). *International Journal of Humanities and Social Science Invention*. 2(6), 35-44.
- Zulkifli Abd Mubi. (2014). *Tahap penguasaan ilmu tarannum dalam kalangan guru kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-quran di Selangor*. (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi